

## **KPKT SALUR RM500,000 NAIK TARAF PASAR SEKSYEN 16, SHAH ALAM**



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah mengadakan lawatan ke Pasar Seksyen 16 di Shah Alam, Selangor pada 5 Februari 2016.

Lawatan ini diadakan berikutan beberapa aduan yang diterima oleh YB Menteri mengenai masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga di pasar ini, terutamanya mengenai pengurusan sampah.

Semasa lawatan ini, YB Tan Sri Noh telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000.00 bagi kerja-kerja pembaikan dan naik taraf pelbagai fasiliti di pasar ini.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) sedang dalam perancangan untuk mengeluarkan Garis Panduan Pasar Sejahtera sebagai panduan kepada pihak berkuasa negeri (PBN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membantu dalam perancangan, pengawalan dan pengurusan pasar awam di Malaysia ke arah mewujudkan “Pasar Sejahtera”.

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk menambah baik pasar sedia ada dan mewujudkan pasar baharu yang berkonsep sejahtera dengan persekitaran yang selamat dan bebas daripada sebarang risiko persekitaran.

Selain itu, Garis Panduan Pasar Sejahtera ini juga akan menyediakan panduan bagi elemen-elemen berkaitan bangunan dan reka bentuk, pengezonan, fasiliti, sanitasi, keselamatan dan peranan serta tingkah laku para peniaga di pasar.